

Mohd Aizuddin Noor Azman

From: Mohammed Alamin Rehan
Sent: 03 April 2024 19:24
To: Azlin Mohd Alias
Cc: Nor Halisa Mohamad Halil; Nur Syafina Anuar; Mohd Aizuddin Noor Azman
Subject: Re: [PERMOHONAN] Peruntukan Dana Kewangan bagi Sesi Libat Urus bersama Pengamal Perubatan Swasta bagi Perkhidmatan Kesihatan Mental Asas

Thank you, Azlin for the update.

Syafina and Aizudin, as per your discussion with Azlin, we have agreed that you could utilize our budget but please adhere to Azlin's advice.

Thank you.

Alamin

Sent from [Outlook for Android](#)

From: Azlin Mohd Alias <Azlin@mpc.gov.my>
Sent: Wednesday, April 3, 2024 5:27:20 PM
To: Mohammed Alamin Rehan <alamin@mpc.gov.my>
Cc: Nor Halisa Mohamad Halil <Halisa@mpc.gov.my>; Nur Syafina Anuar <Syafina@mpc.gov.my>; Mohd Aizuddin Noor Azman <mohdAizuddin@mpc.gov.my>
Subject: RE: [PERMOHONAN] Peruntukan Dana Kewangan bagi Sesi Libat Urus bersama Pengamal Perubatan Swasta bagi Perkhidmatan Kesihatan Mental Asas

Assalamualaikum En Alamin,

Referring to the above, I have checked with PHPN.

Based on the proposal, the budget will be used to engage with the GPs to obtain feedback on the proposed fees. To utilise the budget effectively, my suggestion is for them to conduct the engagement by referring to the public consultation guidelines. The output would be a public consultation report with the involvement of an NCS officer. PHPN has to submit a BOM paper for this project.

Thank you and Regards,
Azlin Mohd Alias

From: Mohammed Alamin Rehan <alamin@mpc.gov.my>
Sent: Friday, March 29, 2024 12:15 PM
To: Azlin Mohd Alias <Azlin@mpc.gov.my>
Cc: Nor Halisa Mohamad Halil <Halisa@mpc.gov.my>
Subject: Fwd: [PERMOHONAN] Peruntukan Dana Kewangan bagi Sesi Libat Urus bersama Pengamal Perubatan Swasta bagi Perkhidmatan Kesihatan Mental Asas

Dear Azlin,

Please consider reviewing this proposal to ascertain whether we can approve their use of our budget.

Best regards,
Alamin

Sent from Outlook for Android

From: Mohd Aizuddin Noor Azman <mohdAizuddin@mpc.gov.my>

Sent: Thursday, March 28, 2024 12:12:05 AM

To: Mohammed Alamin Rehan <alamin@mpc.gov.my>

Cc: Mohd Yazid Abdul Majid <Yazidmajid@mpc.gov.my>; Dr. Halimahton Sa'diah Let <Halimahton@mpc.gov.my>; Azlin Mohd Alias <Azlin@mpc.gov.my>; Nur Syafina Anuar <Syafina@mpc.gov.my>; Dr. Yogesvari Sambasevam <Yogesvari@mpc.gov.my>; Syed Mohd Firdaus Syed Badrul Basri <smfirdaus@mpc.gov.my>

Subject: [PERMOHONAN] Peruntukan Dana Kewangan bagi Sesi Libat Urus bersama Pengamal Perubatan Swasta bagi Perkhidmatan Kesihatan Mental Asas

YBr. Encik Mohammed Alamin Rehan

Pengarah

Seksyen Daya Saing Negara

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tuan,

PERMOHONAN PERUNTUKAN DANA KEWANGAN BAGI SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGAMAL PERUBATAN SWASTA BAGI PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL ASAS

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk

2. Seperti yang tuan sedia maklum, lebih setengah juta Malaysia mengalami gejala kemurungan dan jumlah ini dijangka meningkat dari tahun ke tahun. Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 mendedahkan satu per tiga rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas berdepan masalah mental. Isu ini ditambah dengan kekurangan sumber kewangan dan manusia di hospital kerajaan yang menyebabkan rakyat Malaysia terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan rawatan awal yang sewajarnya. Malah, kerajaan terpaksa menanggung kos rawatan yang sangat tinggi kerana kes-kes yang diterima di hospital kerajaan dikategorikan sebagai kritikal akibat kelewatan memberikan intervensi awal kepada pesakit-pesakit ini.

3. Justeru itu, penerapan kerjasama awam-swasta melalui penglibatan pengamal perubatan swasta (GPs) yang terdiri daripada 11,000 individu di seluruh Malaysia amatlah diperlukan bagi memberi penilaian dan intervensi awal kepada pesakit-pesakit dalam usaha membendung peningkatan kes kesihatan mental yang semakin meruncing di negara ini. Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta (PHPN), dengan kerjasama Bahagian Kepakaran Psikiatri KKM, telah memulakan inisiatif ini bermula pada tahun lepas bagi mengintegrasikan penjagaan kesihatan mental asas ke dalam perkhidmatan pengamal perubatan swasta (GPs) di Malaysia. Inisiatif ini dijalankan berdasarkan amalan baik yang diamalkan di negara-negara maju seperti Australia.

4. Pihak PHPN dan Bahagian Kepakaran Psikiatri KKM telah pun merangka dan menyiapkan modul latihan bagi mempersiapkan GPs dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan berdasarkan *mhGAP*

Intervention Guide (mhGAP-IG) yang telah dibangunkan oleh World Health Organisation (WHO) (LAMPIRAN 1). Setelah tamat menjalani modul latihan ini, GPs boleh memberikan perkhidmatan perundingan khas yang terarah kepada penilaian kesihatan mental serta *Brief Psychological Intervention* bagi kes-kes kesihatan mental di peringkat awal.

5. Langkah seterusnya bagi menjayakan inisiatif ini ialah menentukan fi yang munasabah bagi dua perkhidmatan ini. Seperti yang tuan sedia ketahui, kadar fi perkhidmatan yang diberikan di klinik swasta ditentukan dengan merujuk kepada Jadual 7 dalam Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta (PHFS) (Hospital Swasta dan Kemudahan Penjagaan Kesihatan Swasta Lain) 2013. Disebabkan oleh ketiadaan perkhidmatan perundingan khas dan *Brief Psychological Intervention* dalam Jadual 7 ini, kadar fi perkhidmatan perundingan biasa iaitu sebanyak RM 10 - 35 telah dicadangkan untuk dijadikan sandaran.

6. Namun demikian, Bahagian Kepakaran Psikiatri KKM, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan PHPN berpendapat kadar fi sebanyak RM10 – 35 bagi dua perkhidmatan ini adalah tidak munasabah memandangkan tempoh masa yang perlu diambil oleh GPs dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan ini melebihi 20 minit. Kadar fi sebanyak RM10 – 35 ini hanya sesuai bagi perkhidmatan perundingan biasa untuk kes-kes seperti demam, batuk dan selsema di mana sesi perundingan yang diperlukan kurang daripada 5 minit.

7. Bahagian Kepakaran Psikiatri KKM dan PHPN telah menjalankan sesi perbincangan bersama Cawangan Perundangan Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan (CPP BAP), KKM bagi mengangkat cadangan penentuan kadar fi khas bagi dua perkhidmatan ini. Setelah perbincangan dijalankan, CAP BAP mencadangkan bahawa Bahagian Kepakaran Psikiatri KKM dan PHPN untuk menjalankan sesi libat urus bersama GPs bagi tujuan mendapatkan pandangan dan input terutamanya dari segi kadar caj yang bersesuaian.

8. Justeru itu, PHPN memohon jasa baik dan kerjasama pihak tuan untuk memperuntukkan dana kewangan dengan menggunakan BOM sedia ada kepada PHPN bagi menganjurkan sesi libat urus ini. Selain mendapatkan pandangan dan input, sesi ini merupakan komitmen yang ditunjukkan bagi menerapkan pendekatan Amalan Baik Peraturan (GRP) di kalangan Pengawal Selia Dalam memastikan ekosistem peraturan yang kondusif. Anggaran kasar bagi peruntukan yang diperlukan adalah seperti berikut:

Perkara	Perincian	Jumlah (RM)
Pakej Seminar	RM180 x 50 peserta	9,000.00
Penulis Laporan	RM200 x 20 muka surat	4,000.00
Fasilitator	RM1800 X 1 orang	1,800.00
Penceramah	RM300 x 4 jam x 3 orang	3,600.00
ANGGARAN JUMLAH YANG DIPERLUKAN		18,400.00

9. Diharapkan pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan ini. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi Puan Nur Syafina Anuar (syafina@mpc.gov.my/ 019-6501406) atau Mohd Aizuddin Noor Azman (MohdAizuddin@mpc.gov.my/ 016-6806749). PHPN juga bersedia untuk mengadakan atau menghadiri sebarang sesi bagi membincangkan permohonan ini.

Segala perhatian dan pertimbangan tuan dalam perkara ini serta agenda peningkatan produktiviti negara amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

MOHD AIZUDDIN NOOR AZMAN
Penolong Pengurus
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tel (O): 03-7955 7266
Tel (HP): 016-6806749

"In policy communication, politeness is valued, concision is appreciate, formality & customary expression are expected whenever appropriate" – Catherine F. Smith

